

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

Gaji rendah antara punca simpanan KWSP kurang

# Gaji rendah antara punca simpanan KWSP kurang

Agensi dana persaraan sambut baik sumbangan RM500 bagi simpanan ahli

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gaji permulaan rendah bagi mereka yang memulakan kerjaya sebelum gaji minimum dilaksanakan pada 2013, adalah satu daripada lima faktor yang menyumbang kepada kumpulan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berumur 40 hingga 54 tahun mempunyai baki kurang RM10,000.

KWSP dalam satu kenyataan berkata, faktor lain adalah cabaran struktur gaji apabila 44 peratus pencarum mempunyai pen-

dapatan kurang RM2,000 dan 81 peratus mempunyai pendapatan kurang RM5,000.

Dana persaraan pekerja swasta itu menambah, ia juga berpunca caruman yang tidak konsisten disebabkan oleh ahli yang beralih keluar dan masuk daripada sektor formal, di mana hanya 45 peratus daripada 4.81 juta ahli dalam kumpulan umur ini membuat caruman pada 2022, manakala selebihnya tidak membuat sebarang caruman pada tahun lalu.

"Hanya separuh daripada tenaga kerja sektor swasta yang berada di bawah kontrak pekerjaan formal, diwajibkan untuk membuat caruman kepada KWSP. Tenaga kerja selebihnya terdiri daripada individu dalam sektor lain seperti pertanian, pekerjaan tidak formal, pekerja kontrak atau pemilik perniagaan.

"Sebanyak 2.85 juta atau 59 peratus daripada ahli dalam kumpulan umur ini memohon satu atau lebih daripada pengeluaran berkaitan COVID-19 dan mengeluarkan

sebanyak RM62 bilion, seterusnya mengurangkan lagi jumlah simpanan mereka," katanya.

### 4.81 juta ahli

Sehingga akhir Disember 2022, terdapat seramai 4.81 juta ahli KWSP dalam lingkungan umur 40 hingga 54 tahun, dengan 2.17 juta daripadanya adalah ahli aktif dan 2.64 juta ahli tidak aktif (didefinisikan sebagai tidak membuat sebarang caruman dalam setahun lalu).

Sementara itu, KWSP menyambut baik inisiatif sumbangan *one-off* sebanyak RM500 oleh kerajaan kepada ahli aktif dan juga tidak aktif berusia 40 hingga 54 tahun dengan simpanan RM10,000 atau kurang dalam Akaun 1.

"Insentif berkenaan akan menjadi pemangkin kepada pembinaan semula simpanan ahli, untuk mencapai persaraan yang lebih selesa dan seterusnya membantu mengurangkan kesan berikutan perkembangan pesat populasi menua Malaysia," katanya.